

TEKNIK FOLLOW UP EFEKTIF



DITULIS OLEH: [TIM IKARIER.COM](http://TIM.IKARIER.COM)

Seterusnya adalah *template* untuk surat terima kasih atau bak kata orang putihnya *thank you letter* selepas temuduga.

Dan kami kira berdasarkan pengalaman kami surat terima kasih selepas temuduga adalah amat-amat penting bagi memastikan anda menghormati dan mengambil serius tentang tawaran kerja yang dimohon.

1. Sejurus sahaja temuduga selesai, pastikan anda meminta penemuduga untuk berkongsi *business card* atau paling tidak pun emel mereka. Paling bagus, jika ada mampu memperolehi nombor telefon mereka, jadi bual bicara dengan mereka lebih *casual formal*.
2. Jika ianya emel, tuliskannya pada nota poket anda atau dalam nota telefon pintar anda. Kami syorkan anda menggunakan buku nota poket supaya kelihatan profesional.
3. Kemudian, hantarkan mesej kepada mereka (Dalam *English* kerna sejumlah besar temuduga dalam bahasa ini untuk lebih menonjol kompetensi anda):

Subject: [Post Interview - Thank you]

Hi [Nama penemuduga]

Thank you again for taking the time to interview me! I enjoyed the process and learning more about the company as well as yourself.

[Insert 1 comment about something they mentioned during the small talk phase of the interview]

Looking forward to hearing from you!

Kind Regards,
[Nama anda]

Biasanya, sebelum temuduga bermula secara rasmi, akan sedikit sesi bual kasual 5 minit antara anda dan penemuduga. Di sinilah selalunya kita membincangkan cuaca, hobi, keluarga, bertanya khabar, membincangkan sesuatu yang dilakukan pada hujung minggu dan sebagainya.

Gunakan sesi ini sebagai peluru untuk membuat 1 komen bagus tentang apa yang mereka bualkan. Bukan membodek, cuma mahu nampakkan minat anda dan *skill* anda berkomunikasi. Jika mereka tentang filem terkini di wayang, filem Barbie misalnya. Anda mungkin boleh memberi ulasan atau *review* jika anda sudah menontonnya sambil mengesyorkan sebarang restoran yang lazat untuk mereka nikmati di hujung minggu.

Ini hanyalah contoh, tetapi pastikan anda benar-benar mendengar dan membuat 1 ulasan mudah terhadap sesuatu yang mereka perkatakan. Ia menunjukkan kebijaksanaan,

kemahiran mendengar yang luar biasa, dan membantu membina lebih banyak hubungan daripada sekadar 'terima kasih' yang ringkas.

Semoga usaha anda diberkati dan mencapai pencapaian yang diinginkan.